

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHALID ABD SAMAD [SHAH ALAM]**

**SOALAN**

**TUAN KHALID ABD SAMAD [SHAH ALAM] minta MENTERI TENAGA  
DAN SUMBER ASLI menyatakan :-**

- (a) berapa jumlah hotel-hotel dengan lapangan golf dan pusat membeli-belah yang memiliki bumbung dan tanah terbiar yang dapat diubah menjadi kebun di bumbung dan tempat di mana PV solar dapat dipasang.; dan
- (b) bolehkah Kerajaan bersetuju untuk memberikan insentif pinjaman atau hibah tambahan untuk jenis inisiatif yang ditujukan untuk sektor hotel dan pelancongan yang memasang PV Solar tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia mempunyai keluasan bumbung yang besar yang berpotensi untuk tujuan pemasangan sistem solar PV. Walau bagaimanapun, tidak semua bumbung bagi premis hotel, pusat membeli belah dan lapangan golf adalah sesuai untuk pemasangan solar PV. Kajian kebolehlaksanaan perlu dibuat oleh penyedia perkhidmatan solar untuk mengenal pasti potensi pemasangan solar PV di mana-mana bangunan tersebut.

2. Kerajaan telah memperkenalkan Program *Net Energy Metering* atau NEM yang membolehkan pengguna memasang sistem solar PV di bumbung premis dan menjana tenaga solar untuk kegunaan sendiri. Lebihan tenaga yang tidak digunakan pula boleh dijual kepada pihak utiliti dan dikira sebagai kredit tenaga dalam bil elektrik untuk tempoh 12 bulan.

3. Di samping itu, syarikat-syarikat solar juga menawarkan beberapa pilihan model pembiayaan seperti berikut:

- (i) *outright purchase* - pengguna mengeluarkan modal awal dan membeli sistem solar PV daripada penyedia perkhidmatan;
- (ii) *solar leasing* – pengguna membayar secara bulanan kepada penyedia perkhidmatan dalam tempoh tertentu, bergantung kepada saiz kapasiti panel solar yang dipasang; dan
- (iii) *solar PPA* – model perniagaan ini juga dipanggil *zero CAPEX solution*, di mana pengguna tidak perlu mengeluarkan sebarang modal awal atau menjelaskan bayaran bulanan kepada penyedia perkhidmatan. Sebaliknya, pengguna akan membeli tenaga elektrik yang dijana daripada sistem solar PV yang dipasang pada kadar tarif yang lebih rendah berbanding kadar tarif pihak utiliti, untuk satu tempoh kontrak yang dipersetujui bersama.

4. Mengambil kira kemampuan kewangan serta potensi solar di bumbung premis masing-masing, pengguna elektrik daripada sektor hotel dan pelancongan yang ingin memasang sistem solar PV boleh memilih mana-mana opsyen pembiayaan yang paling bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD  
[ SHAH ALAM ]**

**SOALAN**

**TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [ SHAH ALAM ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk bersama menyahut usaha rakyat pada platform terbuka seperti yang dilalukan oleh Terato Tech dalam platform mayanya iaitu KitaJaga.co (<https://kitajaga.co/>) dan adakah juga Kerajaan akan turut bersama dalam usaha memberikan bantuan melalui platform terbuka seperti ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin terhadap kebajikan masyarakat dalam pelbagai aspek. Pewujudan platform terbuka yang merupakan inisiatif sendiri oleh rakyat menunjukkan betapa prihatinnya masyarakat dalam turut sama memberi bantuan dan sokongan kepada mereka yang memerlukan, terutama yang terkesan dari segi ekonomi akibat pandemik COVID-19.

Dalam hal ini, Kementerian menyambut baik dan tidak menghalang usaha yang telah dilaksanakan berikutan ia memudahkan bantuan-bantuan untuk disalurkan kepada mana-mana pihak yang memerlukan. Usaha ini juga dilihat sebagai salah satu mekanisme terbaik untuk memudahkan urusan bantuan untuk disalurkan dengan cepat dan pantas. Sekiranya bersesuaian, pihak Kementerian tiada halangan untuk turut bersama dalam usaha ini bagi memastikan kebajikan rakyat terus terpelihara.

Sekian, terima kasih.